

# Lima premis letak barang tempat awam kena tindakan



Barangan yang dirampas dibawa ke Stor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Miharja, Cheras.

**KUALA LUMPUR** - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan tindakan pindah halangan terhadap lima premis menjalankan perniagaan di sekitar Wangsa Maju di sini pada Jumaat.

Menurut kenyataan DBKL, operasi dilaksanakan Jabatan Penguatkuasaan dan Pejabat Cawangan Wangsa Maju menerusi peruntukan Seksyen 46(1)(d), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

“Lima premis ini didapati melakukan kesalahan dengan meletakkan barangan berkaitan perniagaan di tem-

pat awam,” katanya menerusi laman Facebook pada Ahad.

Katanya, semua barangan dan peralatan disita dibawa ke Stor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Miharja, Cheras, untuk dokumentasi dan tindakan selanjutnya.

“DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang dikenal pasti.

“Sebarang aduan, orang awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat melalui aplikasi DBKL,” katanya.